

28/11/1998

Dewan lulus usul tergepar sokong PM

PERSIDANGAN Dewan Undangan Negeri Sembilan, semalam, sebulat suara meluluskan usul tergepar menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menghadapi campur tangan kuasa asing terhadap hal ehwal dalaman negara.

Usul oleh Hashimuddin Datuk Abdul Kadir (BN-Seri Menanti) dan disokong Datuk Ishak Ismail (BN-Lenggeng) dikemukakan sebelum sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan bermula.

Menurutnya, antara tujuan utama usul itu dikemukakan ialah bagi menunjukkan sokongan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan rakyat negeri ini terhadap kepemimpinan Dr Mahathir.

Katanya, ini berikutan sikap sesetengah pemimpin asing kebelakangan ini mengeluarkan pelbagai kenyataan yang bertujuan mencampuri urusan dalaman negara.

"Mereka cuba mencampuri cara kerajaan mengendalikan kegawatan ekonomi dan kemudian dalam isu politik berikutan penyingkiran bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya.

Sehubungan itu, katanya adalah penting ketika ini rakyat memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri.

Lim Yong (BN-Chennah) ketika membahaskan usul itu berkata, beliau yakin 99 peratus rakyat menyokong kepimpinan Dr Mahathir menghadapi gelagat pemimpin asing terbabit.

"Pemimpin asing tidak layak campur tangan terhadap apa saja yang berlaku dalam negara ini. Kenyataan beberapa pemimpin asing lebih bertujuan menimbulkan kekecohan.

"Mereka hendak menunjukkan seolah-olah pemimpin negara tidak boleh menyelesaikan masalah," katanya.

Ahmad Apandi Johan (BN-Kota) pula menyelar laporan media massa asing yang cuba menggambarkan keburukan sistem ekonomi negara.

Katanya, ada golongan tertentu mahu melihat ekonomi negara runtuh kerana mudah bagi mereka melakukan penjajahan bentuk baru dengan menguasai ekonomi negara.

(END)